



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# Pelan Induk

## PEMBANGUNAN WELLNESS HUB DAN SUMBER MANUSIA

2025 - 2033

Bahagian  
Pendidikan Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia







KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

## PELAN INDUK PEMBANGUNAN *WELLNESS HUB* DAN SUMBER MANUSIA

BAHAGIAN PENDIDIKAN KESIHATAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

2025 - 2033



PELAN INDUK PEMBANGUNAN WELLNESS HUB DAN SUMBER MANUSIA 2025 - 2033

e ISBN 978-629-98543-9-5



BAHAGIAN PENDIDIKAN KESIHATAN

(online)

## PELAN INDUK PEMBANGUNAN WELLNES HUB DAN SUMBER MANUSIA

Diterbitkan oleh  
Bahagian Pendidikan Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Kompleks E, Blok E10, Aras 3  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
Putrajaya

Laman Sesawang: <https://infosihat.moh.gov.my>  
Hak Cipta Terpelihara ©

Semua Hak Cipta Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

2025



Pelan Induk  
Pembangunan Wellness  
Hub ini disediakan bagi  
menyokong aspirasi  
reformasi perkhidmatan  
kesihatan, seiring dengan  
objektif Agenda Nasional  
Malaysia Sihat (ANMS),  
ke arah merakyatkan  
kesejahteraan kesihatan  
dan membudayakan  
gaya hidup sihat dalam  
kalangan rakyat Malaysia



Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad  
**Menteri Kesihatan**

Pelan Induk ini menggariskan hala tuju pembangunan Wellness Hub yang akan dibangunkan di semua Daerah/Bahagian/Kawasan seluruh Negara. Pelan ini mengandungi matlamat, sasaran pewujudan Wellness Hub secara berfasa, keperluan sumber manusia, peralatan serta implikasi kewangan untuk tempoh 10 tahun.



DATO' SRI SURIANI DATO' AHMAD  
Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan

Wellness Hub adalah satu inisiatif Kementerian Kesihatan Malaysia dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan yang bersepadu kepada komuniti setempat melalui aktiviti dan intervensi pembudayaan hidup sihat yang dirancang khusus memenuhi keperluan kumpulan sasar.

Disediakan dengan matlamat meningkatkan kebolehcapaian perkhidmatan kesejahteraan kesihatan (*accessible and affordable health & wellness services*) di peringkat akar umbi.

Wellness Hub amat penting dalam menangani ancaman beban penyakit yang berterusan kepada individu dan Negara.

”



DATUK DR MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN  
**Ketua Pengarah Kesihatan**



Pelan Induk ini merupakan satu dokumen rujukan penting dalam merancang dan melaksanakan projek pembangunan Wellness Hub secara tersusun dan komprehensif di peringkat Daerah/Bahagian/Kawasan.

Intervensi yang dibangunkan melalui perkhidmatan *Wellness* adalah berdasarkan *behavioural science* bagi meningkatkan literasi kesihatan untuk kesejahteraan rakyat

Wellness Hub adalah satu pelaburan yang amat berpotensi dalam mengurangkan beban penyakit bagi setiap individu.



DATUK DR NORHAYATI BINTI RUSLI  
**Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan**  
**(Kesihatan Awam)**  
**Kementerian Kesihatan**

# |S| KANDUNGAN

## **SINGKATAN**

## **ISTILAH**

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

## **BAB 1: PENGENALAN**

### **1.1 Situasi Kesihatan Semasa**

### **1.2 Wellness Hub**

### **1.3 Tawaran Pakej Perkhidmatan Wellness Hub**

### **1.4 Hubungkait Perkhidmatan Klinik Kesihatan dengan Perkhidmatan Wellness Hub**

### **1.5 Pencapaian Wellness Hub**

## **BAB 2: KERTAS PUTIH KESIHATAN (HWP)**

### **2.1 Tujuan dan Skop**

### **2.2 Aspirasi**

### **2.3 Pewujudan Wellness Hub bagi Menyokong Tonggak 2**

## **BAB 3: AGENDA NASIONAL MALAYSIA SIHAT (ANMS)**

### **3.1 Tadbir Urus ANMS**

### **3.2 Kerangka ANMS**

### **3.3 Pelaksanaan ANMS**

### **3.4 Wellness Hub Sebagai Inisiatif Untuk Perubahan Tingkah Laku**

### **3.5 Status Dan Hala Tuju**

## **BAB 4: HALA TUJU PEMBANGUNAN STRATEGIK WELLNESS HUB**

### **4.1 Cadangan Pelaksanaan di Bawah Projek Pembangunan**

### **4.2 Pembangunan Jangka Panjang Wellness Hub Di Bawah Rancangan Malaysia 2026-2033**

### **4.3 Perancangan: Pemetaan dan Sasaran**

4.3.1 Jadual 1 : Status Penjajaran Pegawai Pendidikan Kesihatan ke Wellness Hub Sedia Ada dan Pejabat Kesihatan Daerah/Bahagian/Kawasan

4.3.2 Jadual 2 : Status Wellness Hub Sedia Ada Sehingga Mei 2025

4.3.3 Jadual 3 : Status Pembangunan Projek Wellness Hub di Bawah BP00600 (Naik Taraf, Ubah Suai dan Pembaikan) sehingga Mei 2025

4.3.4 Jadual 4: Cadangan Pembangunan Wellness Hub Baharu dalam Rancangan Malaysia (RMK-13:2026-2030)

4.3.5 Jadual 5 : Cadangan Pembangunan Wellness Hub Baharu dalam Rancangan Malaysia (RMK-14:2031-2033)

4.3.6 Jadual 6 : Sasaran/Unjuran Penubuhan Wellness Hub Baharu Mengikut Negeri dalam Tempoh 8 Tahun (2026-2033)

4.3.7 Jadual 7 : Kamus Jenis Projek Wellness Hub dan Spesifikasi Kerja-kerja Pembangunan (Projek Baharu, Ubah Suai dan Naik Taraf)

## **BAB 5: ASAS-ASAS PEMILIHAN LOKASI WELLNESS HUB**

### **5.1 Kriteria Pemilihan Wellness Hub**

- Pemilihan Tapak (Tanah Kosong/Bangunan Sedia ada)
- Profil Lokasi

## **BAB 6 : WELLNESS HUB BRIEF OF REQUIREMENT (WHBOR)**

### **6.1 Jenis WH**

- WH (stand alone)
- WH gabungan (WH danUPK)

### **6.2 Keperluan Brief Of Requirement**

### **6.3 Deskripsi Fungsi Wellness Hub**

### **6.4 Polisi Pengoperasian**

### **6.5 Beban Kerja**

### **6.6 Konsep Perancangan**

- Organisasi dan Keperluan Sumber Manusia
- Keperluan Ruang dan Fungsi

## **BAB 7: IMPLIKASI KEWANGAN DAN KEPERLUAN SUMBER MANUSIA**

### **7.1 Pembangunan Infrastruktur & Peralatan**

Jadual 8 : Keperluan Peruntukan Pembangunan Wellness Hub Baharu (RMKe-13 2026-2030)

Jadual 9 : Keperluan Peruntukan Pembangunan Wellness Hub Baharu (RMKe-14 2031-2035)

Jadual 10 : Ringkasan Perbelanjaan Pembangunan Wellness Hub Baharu (2026-2033) Mengikut Negeri

Jadual 11 : Ringkasan Perbelanjaan Pembangunan Wellness Hub Baharu (RMKe-13) Mengikut Negeri

Jadual 12 : Ringkasan Perbelanjaan Pembangunan Wellness Hub Baharu (RMKe-14) Mengikut Negeri

### **7.2 Sumber Manusia**

Jadual 13: Ringkasan Perjawatan Sedia Ada dan Keperluan Perjawatan Pegawai Pendidikan Kesihatan di Daerah/ Wellness Hub Seluruh Negara bagi Gred Jawatan S12, S10 dan S9/S10

Jadual 14 : Implikasi Kewangan Permohonan Perjawatan Pegawai Pendidikan Kesihatan Di Fasilitas Wellness Hub, Kementerian Kesihatan Malaysia

## **BAB 8: PENUTUP**

## **SENARAI LAMPIRAN**

### **LAMPIRAN 1**

Contoh bagi Pelan Lantai Wellness Hub Batu Pahat :

Kerja-kerja Naik Taraf dan Tambahan Nilai Fungsi Bangunan Wellness Hub Batu Pahat

### **LAMPIRAN 2**

Contoh bagi Pelan Lantai Wellness Hub Seberang Perai Utara Berkonsepkan Kontena :

Pembinaan Struktur Fizikal Pendekatan Baharu (Kontena) untuk Wellness Hub Sungai Dua, Pulau Pinang

### **LAMPIRAN 3**

Contoh Bagi Pelan Lantai Wellness Hub Kuala Langat : Kerja Bina Baharu Bangunan Wellness Hub Hulu Langat di Tapak Baharu Klinik Kesihatan Bandar Seri Putra Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor

### **LAMPIRAN 4**

Contoh Panduan Keperluan Ruang Bagi Wellness Hub Dan Gabungan Dengan Kompleks Kesihatan Bersepadu Daerah (KKBD)- Keluasan Sesuatu Area Bergantung Keluasan Fasilitas /Tanah

# SINGKATAN

**KKM**

**Kementerian Kesihatan Malaysia**

**NCD**

**Non-Communicable Disease**

Penyakit Tidak Berjangkit

**ANMS**

**Agenda Nasional Malaysia Sihat**

**WH**

**Wellness Hub**

**RMK**

**Rancangan Malaysia**

**UPK**

**Unit Promosi Kesihatan**

**JKN**

**Jabatan Kesihatan Negeri**

**UHC**

**Universal Health Coverage**

Liputan Kesihatan Sejagat

**SDH**

**Penentu Sosial Untuk Kesihatan**

**WHO**

**World Health Organization**

Pertubuhan Kesihatan Sedunia

**HWP**

**Health White Paper**

Kertas Putih Kesihatan

**NHMS**

**National Health And Morbidity Survey**

Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi

**iFitEr**

**I Fit and Eat Right**

Program Pengurusan Berat Badan

# ISTILAH

## **Behavioural Science**

Sains tingkah laku adalah bidang dalam meneroka aktiviti dan interaksi antara manusia. Sains tingkah laku termasuk dalam mana-mana daripada pelbagai disiplin yang berkaitan dengan subjek tindakan manusia, biasanya termasuk bidang sosiologi, antropologi sosial dan budaya, psikologi, dan aspek tingkah laku biologi, ekonomi, geografi, undang-undang, psikiatri, dan sains politik.

## **Wellness Hub**

Wellness Hub merupakan *one stop centre* yang menawarkan perkhidmatan kesejahteraan dan kesihatan yang komprehensif dan bersepadu kepada komuniti setempat. Ia selari dengan halatuju Kementerian Kesihatan Malaysia untuk beralih daripada "*Sick Care*" kepada "*Health Care* dan *Wellness*" agar individu lebih bertanggungjawab terhadap kesihatan diri, keluarga dan komuniti.

## **Rancangan Malaysia**

Rancangan Malaysia merupakan rancangan lima tahun pembangunan kerajaan Malaysia. Rancangan lima tahun bermula dengan Rancangan Malaya Pertama, iaitu, dari tahun 1956 hingga kini. Rancangan Malaysia merupakan rancangan jangka sederhana yang dibentuk untuk meletakkan segala pelaksanaan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara berada pada landasan yang tepat bagi menyokong perancangan jangka panjang Malaysia.

## **Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS)**

Agenda Nasional Malaysia Sihat merupakan satu agenda kesihatan Negara yang mengandungi pelbagai inisiatif kesihatan yang dilaksanakan melalui pendekatan *whole of nation* bertujuan menjadikan rakyat Malaysia sihat sejahtera melalui pembudayaan hidup sihat dan kelestarian persekitaran yang menyokong kesejahteraan kesihatan.

## **Kesihatan Awam**

Kesihatan awam merujuk kepada semua langkah yang dirancang (sama ada awam atau swasta) untuk mencegah penyakit, menggalakkan kesihatan dan memanjangkan jangka hayat dalam kalangan penduduk secara keseluruhan. Aktiviti ini bertujuan untuk mewujudkan keadaan yang membolehkan Rakyat hidup sihat dan memberi tumpuan kepada keseluruhan penduduk, bukannya individu atau penyakit yang khusus.

## **Kertas Putih Kesihatan**

Kertas Putih Kesihatan adalah dokumen dasar reformasi kesihatan negara yang menggariskan cabaran utama yang dihadapi oleh sistem kesihatan serta mengemukakan cadangan penyelesaian secara berfasa dalam tempoh 15 tahun merangkumi aspek penyampaian, promosi kesihatan dan pencegahan penyakit, pembiayaan kesihatan, serta tadbir urus demi memastikan sistem kesihatan yang lebih berkualiti, mampan dan berdaya tahan.

## **Pelan Induk Pembangunan Wellness Hub & Keperluan Sumber Manusia**

Rancangan Pembangunan Lestari Wellness Hub adalah satu hala tuju strategik, pelan tindakan serta pelaksanaan projek-projek pembangunan Wellness Hub seluruh Negara di bawah Rancangan Malaysia 5 tahun.

## **Kebolehcapaian Perkhidmatan Kesejahteraan Kesihatan**

Akses/kebolehcapaian penjagaan kesihatan ialah keupayaan untuk mendapatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan seperti pencegahan, diagnosis, rawatan dan pengurusan penyakit yang memberi kesan kepada kesihatan. Untuk penjagaan kesihatan boleh diakses, ia mestilah berpatutan dan mudah.

## **Sistem Kesihatan**

Ekosistem kesihatan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan kesihatan, termasuk perkhidmatan penjagaan kesihatan, perkhidmatan penjagaan sosial, perkhidmatan bantuan komuniti dan sebagainya

# RINGKASAN **EKSEKUTIF**





Pelan Induk Pembangunan Wellness Hub dan Sumber Manusia adalah satu hala tuju strategik, pelan tindakan serta pelaksanaan projek-projek pembangunan Wellness Hub seluruh Negara untuk tempoh 9 tahun di bawah Rancangan Malaysia 5 tahun.

Pelan Pembangunan ini merupakan satu perancangan jangka panjang untuk melengkapkan kemudahan serta fasiliti dan sumber manusia di setiap Daerah/Bahagian/Kawasan kesihatan dengan penyediaan perkhidmatan yang holistik untuk kesejahteraan kesihatan rakyat. Di bawah Pelan Induk ini ianya dirangka dengan sistematik dan efektif bagi mengoptimumkan penyampaian perkhidmatan kesihatan yang menepati keperluan kumpulan sasar.

Perancangan ini perlu dipertimbangkan oleh Agensi Pusat ( Kementerian Ekonomi ) bagi memastikan projek pembangunan Wellness Hub dimasukkan dalam Rancangan Malaysia untuk direalisasikan.

# BAB 1

# PENGENALAN



## 1.1 Situasi Kesihatan Semasa

Budaya hidup sihat yang melibatkan tingkah laku kesihatan seperti aktif secara fizikal, penjagaan kesihatan mental, pemakanan yang sihat dan selamat dan amalan tidak merokok adalah amat penting bagi meningkatkan imuniti badan (*lifestyle immunity*) dan penuaan sihat (*healthy ageing*) rakyat Malaysia.

Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023 mendapati:

- Lebih daripada setengah juta atau 2.5 % dewasa di Malaysia menghidap 4 NCD (Kencing manis, Tekanan darah tinggi, Kolesterol tinggi & Obesiti)
- Hampir 2.3 juta dewasa di Malaysia mengidap 3 NCD
  - 5.1% mengidap Kencing manis, Tekanan darah tinggi & Kolesterol tinggi
  - 2.9% mengidap Tekanan darah tinggi, Kolesterol tinggi & Obesiti
  - 1.2% mengidap Kencing manis, Tekanan darah tinggi & Obesiti
- 15.6% atau 1 daripada 6 dewasa di Malaysia mengidap Kencing manis.
  - 84% daripada pengidap Kencing manis berumur 18 – 29 tahun TIDAK TAHU mereka mengidap Kencing manis.
  - 2 daripada 5 dewasa yang mengidap Kencing manis TIDAK TAHU Mereka mengidap Kencing manis.
- 29.2 % atau 1 dalam 3 dewasa di Malaysia mengalami Tekanan darah tinggi
  - 17.3 % TAHU bahawa mereka mengalami Tekanan darah tinggi.
  - 11.9% TIDAK TAHU bahawa mereka mengalami Tekanan darah tinggi
- 33.3 % atau anggaran 7.6 juta dewasa dalam 3 dewasa di Malaysia mempunyai tahap kolesterol tinggi
  - 1 daripada 2 dewasa yang mempunyai tahap kolesterol tinggi TIDAK TAHU bahawa mereka ada tahap kolesterol tinggi
- 54.4 % dewasa di Malaysia mengalami berlebihan berat badan & obesiti.
- 1 daripada 3 dewasa di Malaysia tidak aktif secara fizikal
  - 84% dewasa TIDAK AKTIF dalam aktiviti sukan, kecergasan dan riadah
  - 84% dewasa TIDAK BERJALAN atau BERBASIKAL untuk bergerak dari satu tempat ke satu tempat lain.
  - 1 daripada 2 dewasa di Malaysia mengamalkan gaya hidup sedentari.

- 1 daripada 5 dewasa berumur 18 tahun ke atas TIDAK melakukan saringan kesihatan.
- 95 % dewasa di Malaysia TIDAK MENGAMBIL buah dan sayur yang mencukupi setiap hari.
- 1 daripada 5 dewasa tidak minum cukup air kosong setiap hari
- 1,000,000 penduduk di Malaysia berumur 16 tahun ke atas mengalami KEMURUNGAN
- 19.0% dewasa di Malaysia adalah perokok

**DI MALAYSIA, SEBANYAK 73% PUNCA KEMATIAN ADALAH DISEBABKAN OLEH PENYAKIT AKIBAT PEMBUDAYAAN HIDUP TIDAK SIHAT (WHO, 2022).**

Kebarangkalian kematian pramatang dalam kalangan rakyat Malaysia akibat NCD adalah 18% iaitu lebih tinggi daripada negara jiran di ASEAN seperti Thailand (14%) dan Singapura (9%).


Tahap literasi kesihatan kalangan rakyat Malaysia dalam penjagaan kesihatan juga perlu diberi perhatian. Tinjauan NHMS 2019 menunjukkan tahap literasi kesihatan rakyat adalah rendah iaitu hanya 1 daripada 3 rakyat Malaysia mempunyai literasi dalam penjagaan kesihatan.

Peningkatan tren penyakit NCD akibat amalan pembudayaan hidup sihat dalam kalangan rakyat Malaysia serta cabaran utama kesihatan awam meningkatkan impak beban penyakit dari segi kematian pramatang, peningkatan kos rawatan dan perubatan serta kehilangan produktiviti negara.

Pada tahun 2017, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM22.53 bilion untuk merawat penyakit Diabetes, Kardiovaskular dan Kanser yang merupakan 2% daripada pendapatan negara. Selain peningkatan kos rawatan dan ubat-ubatan, ia juga menyumbang kepada kehilangan produktiviti yang menyebabkan kerugian kepada ekonomi negara iaitu hampir 1% daripada keluaran negeri kasar (KDNK).

(Sumber : *The impact of Non Communicable Diseases and Their Risk Factors on Malaysia's cross domestic product (2020), Ministry of Health Malaysia*)

# CABARAN UTAMA



# FAKTOR PENENTU KESIHATAN

## SOSIOEKONOMI

40%



Pendidikan



Status Pekerjaan



Sokongan sosial  
keluarga & masyarakat



Pendapatan



Keselamatan masyarakat



Sekuriti makanan

## PERSEKITARAN FIZIKAL

10%



Perumahan



Pengangkutan



Rekreasi



Pencemaran

## TINGKAH LAKU KESIHATAN

30%



Penggunaan tembakau



Diet & makanan sihat



Penggunaan alkohol



Senam, rehat & santai



Kemalangan

## PENJAGAAN KESIHATAN

20%



Akses kepada  
penjagaan yang  
berkualiti

## 1.2 Wellness Hub

Wellness Hub merupakan *one stop centre* yang menawarkan perkhidmatan kesejahteraan dan kesihatan yang komprehensif dan bersepadu kepada komuniti setempat. Perkhidmatan Wellness Hub adalah selari dengan hala tuju Kementerian Kesihatan Malaysia untuk beralih daripada “*Sick Care*” kepada “*Health Care*” dan “*Wellness*” agar individu lebih bertanggungjawab terhadap kesihatan diri, keluarga dan komuniti.

Pelaksanaan aktiviti di Wellness Hub adalah menyokong Teras 2 di bawah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) bagi memperluaskan perkhidmatan kesejahteraan dan kesihatan kepada komuniti khususnya Kumpulan B40.

Wellness Hub telah didaftarkan dalam Pusat Informatik Kesihatan dengan menggunakan kod nama Pusat Perkhidmatan Kesejahteraan (Wellness Hub) di mana rakyat boleh mendapatkan akses kepada informasi berkaitan perkhidmatan Wellness Hub. Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Bahagian Pendidikan Kesihatan bertanggungjawab dalam pengoperasian dan pembangunan Wellness Hub seluruh negara bagi memudahkan komuniti mempunyai akses terhadap perkhidmatan kesejahteraan dan kesihatan.

Wellness Hub menyediakan pakej perkhidmatan kesihatan yang dapat meningkatkan kemahiran dan menggalakkan perubahan tingkah laku dalam amalan cara pembudayaan hidup sihat melalui pembinaan kemahiran (*skill oriented*).





## 1.3 TAWARAN PAKEJ PERKHIDMATAN WELLNESS CORNER



## TAWARAN PAKEJ WELLNESS HUB CORNER

| BIL | PAKEJ PERKHIDMATAN (TERAS)                                   |                                                                                                                                                                                                                                              |
|-----|--------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.  | <b>Penilaian Faktor Risiko Kesihatan</b>                     | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penilaian Tingkah Laku &amp; Preskripsi Budaya Hidup Sihat</li> <li>• Saringan Kesihatan</li> <li>• Ujian Kecergasan</li> <li>• Elektif (Program Kesihatan Pergigian)</li> </ul>                    |
| 2.  | <b>Perkhidmatan Berhenti Merokok</b>                         | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Saringan Paru-Paru dan Ketagihan Rokok</li> <li>• Kemahiran Pencegahan Ketagihan Rokok</li> <li>• Modifikasi Tingkah Laku</li> </ul>                                                                |
| 3.  | <b>Pengurusan Berat Badan: IFitEr ( I Fit and Eat Right)</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ujian Kecergasan Preskripsi dan Pelan Senaman</li> <li>• Modifikasi Tingkah Laku Kesihatan</li> <li>• Runding Cara Hidup Sihat</li> </ul>                                                           |
| 4.  | <b>Kekal Aktif</b>                                           | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti Fizikal Berstruktur</li> <li>• Teknik X-Break</li> <li>• Terapi Senaman</li> <li>• Pengaktifan BookDoc &amp; Pencapaian Tier</li> </ul>                                                    |
| 5.  | <b>Runding Cara Budaya Hidup Sihat</b>                       | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Intervensi Penurunan Berat Badan</li> <li>• Intervensi Berhenti Merokok</li> <li>• Intervensi Senaman Dan Kecergasan</li> </ul>                                                                     |
| 6.  | <b>Bicara Sihat Berkaitan Kesejahteraan dan Kesihatan</b>    | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti Fizikal</li> <li>• Minda Sihat</li> <li>• Pemakanan Sihat</li> <li>• Berhenti Merokok</li> <li>• Keselamatan Makanan</li> <li>• Kesihatan Pergigian</li> <li>• Kenali Ubat Anda</li> </ul> |

| BIL | PAKEJ PERKHIDMATAN (ELEKTIF) – Sekurang-kurangnya 2 |                                                                                                                                                                                                                                       |
|-----|-----------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.  | <b>Resilien</b>                                     | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Keperluan Asas (basic)</li> <li>• Kepunyaan (belonging)</li> <li>• Daya Tindak (coping)</li> <li>• Pembelajaran (learning)</li> <li>• Asas Kepercayaan Dalaman (core self)</li> </ul>        |
| 2.  | <b>Sokongan Kesejahteraan</b>                       | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Cegah Jatuh Warga Emas</li> <li>• Sokongan Sosial</li> <li>• Diet Sihat</li> <li>• Kesukarelawanan</li> <li>• Kenali Ubat Anda</li> </ul>                                                    |
| 3.  | <b>My Green Hands</b>                               | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tanaman Herba &amp; Sayuran Hijau</li> <li>• Pertanian Bandar (Hidroponik)</li> <li>• Gubahan Bunga Hidup</li> </ul>                                                                         |
| 4.  | <b>Seni &amp; Kreatif</b>                           | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kraftangan</li> <li>• Rekacipta</li> <li>• Jahitan</li> <li>• Tarian &amp; Muzik</li> <li>• Tatarias</li> <li>• Melukis</li> </ul>                                                           |
| 5.  | <b>Ejen Kesihatan Komuniti Melalui MyCHAMPION</b>   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Profil Komuniti</li> <li>• Bina Upaya Kepada Komuniti</li> <li>• Jurucakap Komuniti</li> <li>• Pemerkasaan Komuniti</li> <li>• Libat Urus Rakan Strategik</li> <li>• Jangkau Luar</li> </ul> |
| 6.  | <b>Wellness Studio/Gimnasium</b>                    | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Facebook Live</li> <li>• Tik Tok Live</li> <li>• Bual Bicara Santai</li> <li>• DJ Corner</li> <li>• Rakaman Program/Aktiviti (Webiner)</li> </ul>                                            |

## 1.4 Hubungkait Perkhidmatan Klinik Kesihatan Dengan Perkhidmatan Wellness Hub

Klinik Kesihatan dan Wellness Hub mempunyai fungsi yang saling melengkapi dalam sistem penjagaan kesihatan. Klinik kesihatan akan merujuk klien yang berisiko ke Wellness Hub melalui sistem MyVAS untuk menjalani intervensi pembudayaan hidup sihat.

Manakala, Wellness Hub pula berfokus pada :

- promosi dan pendidikan kesihatan
- pencegahan dan pengurangan faktor risiko kesihatan
- peningkatan kesejahteraan kesihatan secara menyeluruh
- intervensi tingkah laku kesihatan

Hubung kait di antara perkhidmatan yang disediakan Klinik Kesihatan dan Wellness Hub seperti berikut:

### Rujukan:

Hasil saringan yang diadakan di Klinik Kesihatan boleh merujuk pesakit yang memerlukan intervensi hidup sihat atau sokongan kesihatan yang lebih lanjut ke Wellness Hub melalui sistem rujukan MyVAS, antaranya:

- Klien yang berisiko mendapat penyakit tidak berjangkit seperti Hipertensi dan Diabetes boleh dirujuk untuk mendapatkan perkhidmatan di Wellness Hub
- Klien yang merokok juga boleh dirujuk untuk mendapatkan Perkhidmatan Berhenti Merokok di Wellness Hub

### Pendidikan Kesihatan:

Wellness Hub menyediakan perkhidmatan kesejahteraan kesihatan yang komprehensif termasuk modifikasi tingkah laku berkaitan pembudayaan hidup sihat dan melengkapi perkhidmatan rawatan dan nasihat yang diberikan di Klinik Kesihatan.

### Pencegahan Penyakit:

Wellness Hub memainkan peranan penting dalam menyokong pencegahan penyakit melalui aktiviti-aktiviti promosi kesihatan dan saringan awal. Klinik Kesihatan dan Wellness Hub boleh bekerjasama dalam memperkukuhkan inisiatif pendidikan dan promosi kepada komuniti.

### Sokongan Komuniti:

Wellness Hub menjadi pusat komuniti yang menyediakan sokongan sosial dan emosi yang berterusan kepada individu ke arah meningkatkan kesejahteraan kesihatan.

### Data dan Maklumat:

Klinik Kesihatan dan Wellness Hub boleh berkongsi data dan maklumat kesihatan untuk membantu perancangan dan pelaksanaan intervensi kesihatan yang lebih berkesan.

Hubungkait perkhidmatan antara Klinik Kesihatan dan Wellness Hub yang disediakan dapat mempertingkatkan sistem kesihatan dalam penyediaan penjagaan kesihatan yang komprehensif dan berterusan kepada komuniti sekaligus dapat meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan secara keseluruhan.



## 1.5 | PENCAPAIAN WELLNESS HUB

**765,843**

Klien WH (2020 – 2024)

**73,513**

Klien baharu WH  
dirujuk ke  
sekurang-  
kurangnya 2  
pakej cara hidup  
sihat  
(2020 – 2024)

**13,076**

Klien Program  
Pengurusan  
Berat Badan di  
WH  
(2020 – 2023)

**8,007**

Klien Berjaya  
Menurunkan  
Berat Badan  
(2020 – 2024)

### KEHADIRAN KLIEN WELLNESS HUB (2020 – 2024)

**2020**  
(27 WH)

**89,536**

**2021**  
(28 WH)

**163,650**

**2022**  
(30 WH)

**1,148,217**

**2023**  
(33 WH)

**304,381**

**2024**  
(33 WH)

**380,938**

### PERKHIDMATAN BERHENTI MEROKOK (2020 – 2025)

**2,539**

klien menetapkan tarikh berhenti merokok

**1,361 (54%)**

klien berjaya berhenti merokok

## PENCAPAIAN IFitEr

| BIL | SASARAN                                                                                                     | 2018         | 2019         | 2020         | 2021           | 2022           | 2023           | 2024           |
|-----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------|--------------|--------------|----------------|----------------|----------------|----------------|
| 1   | Sekurang-kurangnya <b>60%</b> peserta kekal hingga ke akhir intervensi.                                     | 72%<br>(412) | 78%<br>(795) | 81%<br>(505) | 88%<br>(1,241) | 73%<br>(2,037) | 77%<br>(2,707) | 88%<br>(4,162) |
| 2   | Sekurang-kurangnya <b>70%</b> peserta kekal hingga ke akhir intervensi dapat meningkatkan tahap kecergasan. | x            | 72%<br>(582) | 79%<br>(293) | 66%<br>(818)   | 73%<br>(1,486) | 76%<br>(2,058) | 77%<br>(3,211) |
| 3   | Sekurang-kurangnya <b>70%</b> peserta berjaya menurunkan berat badan di akhir intervensi.                   | 91%<br>(373) | 89%<br>(695) | 78%<br>(321) | 83%<br>(1,027) | 83%<br>(1,690) | 71%<br>(1,909) | 74%<br>(3,060) |
| 4   | Sekurang-kurangnya <b>15%</b> peserta berjaya menurunkan sekurang-kurangnya sebanyak 10% berat badan asal.  | 18%<br>(67)  | 18%<br>(126) | 20%<br>(63)  | 13%<br>(138)   | 12%<br>(209)   | 13%<br>(241)   | 21%<br>(641)   |
| 5   | Berjaya menurunkan sekurang-kurangnya sebanyak 5% berat badan asal                                          | x            | x            | x            | x              | x              | 27%<br>(730)   | 39%<br>(1,182) |
|     | JUMLAH PESERTA BERDAFTAR (n)                                                                                | (576)        | (1,019)      | (623)        | (1,411)        | (2,807)        | (3,500)        | (4,735)        |

JUMLAH PESERTA BERDAFTAR = 14,671 Orang


BILANGAN BERJAYA TURUNKAN BERAT BADAN DI AKHIR INTERVENSI = 9,075 Orang (77%)

BILANGAN BERJAYA TURUNKAN 10% BERAT BADAN ASAL (2018-2024) = 1,485 Orang (16%)

# BAB 2

## KERTAS PUTIH KESIHATAN (HWP)

Aspirasi Ke Arah Perkhidmatan  
Preventif Dan Promotif



# REFOMASI KESIHATAN NEGARA MELALUI KERTAS PUTIH KESIHATAN (HWP)

## 2.1 Tujuan dan Skop

Kertas Putih Kesihatan (HWP) ini bertujuan mencadangkan reformasi sistem kesihatan negara yang menyeluruh dan holistik agar sistem kesihatan Malaysia lebih saksama, mampan dan berdaya tahan, serta memenuhi keperluan kesihatan Rakyat. Kertas Putih Kesihatan akan menjadi dasar utama dan ia akan memfokuskan reformasi sistemik dalam menangani keperluan yang mendesak dan telah lama wujud dalam sistem kesihatan. Perubahan yang penting ini memerlukan komitmen dan sokongan jangka panjang daripada semua pihak berkepentingan di negara ini.

## 2.2 Aspirasi

Berdasarkan penilaian daripada beberapa kajian sistemik serta sesi libat urus yang melibatkan pihak berkepentingan, Kertas Putih Kesihatan mencadangkan aspirasi seperti berikut:

- Negara yang sihat, dengan ekosistem kondusif supaya generasi muda lebih peka dan mengutamakan keperluan untuk sihat. Penekanan akan diberi kepada perkhidmatan preventif dan promotif supaya semua peringkat umur akan mengamalkan pembudayaan sihat.
- Sistem kesihatan yang saksama dan berpaksikan Rakyat, di mana perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lebih dekat dengan komuniti dan berkualiti dengan kos yang berpatutan dapat dicapai dengan mengambil kira faktor seperti kekangan geografi.
- Sistem kesihatan yang berdaya tahan, dan responsif untuk menangani cabaran seperti peningkatan penyakit tidak berjangkit dan krisis kesihatan seperti wabak.
- Ekosistem kesihatan yang terbuka dan inovatif, dengan memanfaatkan kemajuan teknologi serta inovasi terkini dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan supaya lebih efisien dan berkesan.
- Sistem kesihatan yang dihargai dan dibanggakan oleh semua, ditambah baik secara berterusan agar lebih saksama, mudah diakses dan berdaya tahan.

## 2.3 Pewujudan Wellness Hub bagi menyokong Tonggak 2

### Meningkatkan Promosi Kesihatan dan Pencegahan Penyakit

Tonggak reformasi ini merangkumi penambahbaikan sistemik dan struktural yang bertujuan mengorientasikan semula ekosistem kesihatan supaya promosi kesihatan dan pencegahan penyakit dapat diintegrasikan secara asasnya dalam semua dasar, garis panduan, amalan dan kehidupan harian. Prinsip utama tonggak ini termasuk:

- Meningkatkan keberkesanan dasar dan aktiviti kesihatan awam oleh KKM;
- Mekanisma yang lebih baik untuk meningkatkan pemilikan dan penyelarasan di semua pihak berkepentingan yang berkaitan dalam ekosistem kesihatan dan;
- Peningkatan menafaatkan penambahbaikan dalam teknologi dan sains tingkahlaku supaya langkah pencegahan yang lebih berkesan akan diperkenalkan


### 3 strategi reformasi dicadangkan iaitu:

- i. Memperkukuhkan fungsi kesihatan awam
- ii. Menambah baik kerjasama dan penyelarasan antara sektor untuk kesihatan
- iii. Memberi insentif kepada amalan dan tingkah laku pro-kesihatan

Pewujudan Wellness Hub di Daerah/Bahagian/ Kawasan dengan perkhidmatan kepada komuniti dapat menyumbang kepada aspirasi HWP iaitu perkhidmatan preventif dan promotif supaya semua rakyat daripada pelbagai peringkat umur akan mengamalkan budaya hidup yang lebih sihat. Penglibatan dan penyertaan menyeluruh individu dan Ejen Kesihatan Komuniti (MyCHAMPION) dalam amalan dan tingkah-laku pro-kesihatan menjadi keutamaan bagi tujuan pemberian insentif. Malahan rakan strategik yang terdiri daripada agensi kerajaan, pihak swasta, NGO turut mendapat tempat bagi diberikan pengiktirafan atas penglibatan dan sumbangan kepada Wellness Hub ke arah pencapaian aspirasi HWP.

## BAB 3

# AGENDA NASIONAL MALAYSIA SIHAT (ANMS)




AGENDA NASIONAL MALAYSIA SIHAT

Agenda Kesihatan Negara Ke Arah  
Pembudayaan Hidup Sihat Dan  
Persekitaran Yang Menyokong  
Kesejahteraan Kesihatan



# Agenda Nasional Malaysia Sihat



## ANMS AGENDA KESIHATAN NEGARA

ANMS merupakan agenda kesihatan Negara berasaskan komuniti yang menyediakan pakej SIHAT SEPANJANG HAYAT bagi MANFAAT rakyat melalui pembudayaan hidup sihat dan kelestarian persekitaran yang menyokong hidup sihat. ANMS meletakkan peningkatan taraf kesihatan rakyat Malaysia sebagai keutamaan melalui pembudayaan hidup sihat antaranya makan secara sihat dan


selamat, tidak merokok, minda sihat, hidup aktif serta kebersihan diri dan kebersihan persekitaran. Pakej Sihat Sepanjang Hayat disampaikan kepada komuniti melalui pelbagai platform kesihatan antaranya Wellness Hub yang ditubuhkan bagi memenuhi keperluan komuniti serta situasi kesihatan Negara.

### 3.1 Tadbir Urus ANMS

Pengurusan atau tadbir urus AMMS melibatkan beberapa Jawatankuasa di peringkat Kebangsaan hingga ke peringkat Negeri dan mempunyai terma rujukan (TOR) yang jelas dan dianggotai oleh pelbagai pihak berkepentingan. ANMS mempunyai Jawatankuasa tertinggi iaitu Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, Jawatankuasa PEMANDU yang dipengerusikan oleh YB Menteri Kesihatan, Jawatankuasa Induk Teknikal dipengerusikan oleh KSU KKM, Jawatankuasa Teknikal

- Kementerian dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha-
- Ketua Setiausaha Kementerian dan Jawatankuasa Kerja
- Peringkat Negeri dipengerusikan oleh Setiausaha
- Kerajaan Negeri.
- Pewujudan, perancangan, pelaksanaan dan pencapaian
- serta isu-isu berkaitan inisiatif ANMS termasuk Wellness
- Hub di Daerah/Bahagian/Kawasan dilaporkan dalam
- Jawatankuasa Kerja ANMS peringkat Negeri hinggalah
- ke peringkat tertinggi ANMS.

### 3.2 Kerangka ANMS



ANMS dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan *whole of nation* yang menyaksikan komitmen dan penglibatan rakan strategik termasuk kementerian, jabatan, agensi, pihak berkuasa tempatan, pihak swasta, NGO serta individu. Tahun 2025, 33 Wellness Hub yang sedang beroperasi

- seluruh Negara menggunakan pendekatan ini dengan
- beberapa kaedah yang sesuai bagi setiap inisiatif ANMS
- termasuk pakej perkhidmatan di samping pemilihan
- setting yang berdasarkan kumpulan sasar ke arah
- keberhasilan tingkah laku dalam pembudayaan hidup
- sihat.

### 3.3 Pelaksanaan ANMS

## FASA PELAKSANAAN

# 10 TAHUN

**2**  
PENGKAL

**4**  
FASA

#### FASA PERTAMA

**2020–2022**

Sepuluh Pengkal Pertama

#### TERAS

# 1

Memantapkan  
Promosi  
Pembudayaan  
Hidup Sihat

2 STRATEGI  
4 INISIATIF

#### FASA KEDUA

**2023–2025**

#### TERAS

# 2

Memantapkan  
Perkhidmatan  
Kesejahteraan  
Kesihatan

2 STRATEGI  
4 INISIATIF

#### FASA KETIGA

**2026–2028**

Sepuluh Pengkal Kedua

#### TERAS

# 3

Memperkasakan  
Kawalan  
Kesihatan  
Kendiri

2 STRATEGI  
4 INISIATIF

#### FASA KEEMPAT

**2029–2030**

#### TERAS

# 4

Memantapkan  
Kebersihan  
Persekitaran

4 STRATEGI  
12 INISIATIF

**10 STRATEGI | 24 INISIATIF**

Istilah Wellness Hub mula digunakan sejak tahun 2019 di mana keputusan untuk mewujudkan Wellness Hub ini dibuat hasil daripada *retreat* pengurusan tertinggi KKM pada tahun 2019. ANMS juga disediakan pada tahun 2019 dengan menggariskan tempoh pelaksanaannya sehingga tahun 2030 menggunakan 4 teras utama, 10 strategi serta 24 inisiatif. Pewujudan Wellness Hub di seluruh Negara hingga kini berjumlah 33 buah adalah untuk memberikan keutamaan kepada teras 2 dan teras 3 ANMS.

Menjelang 2033, pewujudan Wellness Hub di seluruh Negara perlu mencapai sekurang-kurangnya 81 buah untuk memberikan perkhidmatan kepada rakyat. Ini mengambil kira semua Daerah/Bahagian/Kawasan kesihatan seluruh Negara telah mempunyai Wellness Hub bagi membolehkan inisiatif ANMS dapat diteruskan untuk satu tempoh berikutnya disamping pakej perkhidmatan Wellness Hub dapat juga diteruskan kepada rakyat.

### 3.4 Wellness Hub Sebagai Inisiatif Untuk Perubahan Tingkah Laku

A close-up photograph of a person's hands holding a broken cigarette. The person is wearing a blue denim shirt over a grey t-shirt. The cigarette is broken in half, with the orange filter on the left and the white end on the right. The person's face is partially visible at the top of the frame, but out of focus.

Fasiliti kesihatan yang dikenali Wellness Hub menjalankan fungsinya dalam konteks Sains Tingkah laku (*Behavioural science*) dengan menyediakan perkhidmatan antaranya intervensi kesihatan yang bersasar melalui modul kepada klien dan memberikan impak kepada kesihatan. Aspek pemeraksanaan komuniti juga memainkan peranan dalam pembudayaan hidup sihat dan mewujudkan rasa kepunyaan (*ownership*) dalam kalangan komuniti bagi mempromosi, merancang dan turut melaksana inisiatif/program Wellness Hub dalam komuniti setempat yang merupakan pelengkap kepada pendorong perubahan tingkah laku kesihatan.

### 3.5 Status Dan Hala Tuju



Sejumlah 33 Wellness Hub yang sedang beroperasi ketika ini di 33 Daerah/Bahagian/Kawasan telah melalui proses pembangunan yang melibatkan pembinaan baharu dan naik taraf dengan menyediakan perkhidmatan kepada komuniti setempat. Terdapat 13 pakej perkhidmatan yang disediakan dengan penyertaan komuniti dalam pelbagai intervensi kesihatan. Pada masa ini Wellness Hub beroperasi dengan menggunakan khidmat Pegawai Pendidikan Kesihatan dengan dibantu oleh

Pegawai Kontrak (MyStep) untuk menggerakkan aktiviti pembudayaan hidup sihat ke arah perubahan tingkah laku kesihatan.

Bagi memenuhi keperluan dan menangani faktor risiko kesihatan dalam kalangan komuniti, KKM akan menubuhkan Wellness Hub di seluruh Negara dalam memastikan Wellness Hub ini dapat memberikan perkhidmatan menyeluruh termasuk dengan keperluan sumber manusia.



Fasiliti Wellness Hub yang lengkap adalah pemboleh/faktor yang penting untuk penyampaian perkhidmatan, penglibatan, penyertaan komuniti serta rakan strategik kesihatan untuk pembudayaan hidup sihat serta peningkatan literasi kesihatan. Dalam tempoh RMK, pengembangan dan kemajuan Wellness Hub sebagai rangkaian fasiliti perkhidmatan kesihatan seperti pengurusan berat badan, perkhidmatan berhenti merokok, minda sihat, penggalakkan hidup aktif, saringan faktor risiko kesihatan dan sebagainya akan dilaksanakan untuk meningkatkan taraf kesihatan rakyat. KKM perlu membuat pelaburan yang besar dalam usaha *promotive* dan *preventif* ke arah perubahan tingkah laku kesihatan rakyat sejajar dengan peningkatan kos merawat pulih penyakit (NCD) yang meningkat dari tahun ke tahun. Pembangunan Wellness Hub juga merupakan antara inisiatif yang akan menyumbang kepada penurunan NCD / prevalan NCD untuk jangka panjang.



## BAB 4

# HALA TUJU PEMBANGUNAN STRATEGIK *WELLNESS HUB*



## 4.1 CADANGAN PELAKSANAAN DI BAWAH PROJEK PEMBANGUNAN

### 4.1.1 Visi dan Misi Wellness Hub

Visi dan Misi yang telah dibentuk bagi merealisasikan hala tuju strategik Wellness Hub adalah seperti berikut:



#### VISI

Penyampaian perkhidmatan kesejahteraan kesihatan yang komprehensif dan bersepadu ke arah melahirkan rakyat Malaysia yang membudayakan hidup sihat.



#### MISI

Memperkasa dan mengoptimumkan sumber dan rakyat secara holistik dalam meningkatkan literasi kesihatan ke arah peningkatan pembudayaan hidup sihat



#### DASAR PEMBANGUNAN WELLNESS HUB

Wellness Hub 1 Daerah/Bahagian/Kawasan



#### KPI

7 - 14 WH setahun  
Sasaran



#### BIDANG KEUTAMAAN WELLNESS HUB

Infrastruktur, Sumber Manusia, Rangkaian,  
Perkhidmatan



#### HEALTH OWNERSHIP

Penglibatan, Kerja Sepasukan, Bina Upaya, Geran  
Pelaksanaan, Insentif, Kemahiran, *Whole Of Nation*



#### TERAS STRATEGIK PEMBANGUNAN WELLNESS HUB BERPANDUKAN

TERAS AGENDA NASIONAL MALAYSIA SIHAT (ANMS)

#### TERAS 2

Memantapkan Perkhidmatan Kesejahteraan Kesihatan



#### TADBIR URUS WELLNESS HUB DI BAWAH ANMS

Jk Kabinet ANMS, Jk Pemandu ANMS, Jawatankuasa Teknikal Induk ANMS,  
Jawatankuasa Teknikal ANMS Kementerian-Kementerian, Jk Teknikal ANMS Peringkat  
Negeri, Sekretariat ANMS



#### IMPAK

Menurunkan prevalen faktor risiko kesihatan

## 4.2 PEMBANGUNAN JANGKA PANJANG WELLNESS HUB DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA 2026-2033

### PEMBANGUNAN WELLNESS HUB

KKM telah memberi tumpuan dalam pembangunan Wellness Hub sejak tahun 2019 melalui peruntukan pembangunan di bawah *Rolling Plan* RMK 12 untuk melonjakkan perkhidmatan kesejahteraan kesihatan kepada rakyat yang mempunyai potensi dalam mengurangkan faktor risiko kesihatan. Seiring dengan Kertas Putih Kesihatan ke arah anjakan paradigma daripada *sick care* kepada *health care* dan *wellness*.

Bagi merealisasikan matlamat ini, KKM memberi keutamaan memperkukuhkan perkhidmatan kesejahteraan kesihatan menerusi pembangunan Wellness Hub bagi setiap Daerah

/ Bahagian/ Kawasan di samping menaiktaraf Wellness Hub sedia ada. Selain itu, usaha akan dipertingkatkan dengan agenda pendigitalan dalam perkhidmatan kesihatan melalui sistem bersepadu pelanggan supaya perkhidmatan yang diperolehi di Wellness Hub memberi kesan dan impak ke arah pembudayaan hidup sihat.


Dalam memastikan pelaksanaan projek pembangunan Wellness Hub secara efektif dan mencapai sasaran yang telah ditetapkan, KKM akan melaksanakan pemantauan projek secara berterusan serta memperkukuh pelaporan secara berkala berdasarkan arahan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

### RANCANGAN MALAYSIA (Klasifikasi Projek Pembangunan *Wellness Hub* Baharu)

| JENIS PROJEK                                                         | STATUS TAPAK PEMBANGUNAN PROJEK                                                                                                                                                                                           | LOKALITI PROJEK                                                          |
|----------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------|
| Bina Baharu - Wellness Hub baharu (Dalam tempoh 9 tahun)             | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tapak Kosong</li> </ul>                                                                                                                                                          | Daerah/Bahagian/ Kawasan Kesihatan yang belum mempunyai Wellness Hub     |
| Ubah Suai/Naik Taraf (Dalam tempoh 9 tahun) – Wellness Hub baharu    | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tapak bangunan sedia ada KKM yang tidak beroperasi</li> <li>• Tapak bangunan sedia ada AGENSI PERSEKUTUAN, NEGERI &amp; PIHAK BERKUASA TEMPATAN yang tidak beroperasi</li> </ul> |                                                                          |
| Ubah Suai/Naik Taraf (Dalam tempoh 9 tahun) – Wellness Hub sedia ada | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bangunan Wellness Hub yang sedang beroperasi</li> </ul>                                                                                                                          | Daerah/Bahagian/ Kawasan Kesihatan sedia ada yang mempunyai Wellness Hub |

## 4.3 PERANCANGAN: PEMETAAN DAN SASARAN

### SENARAI WELLNESS HUB 2025



Perkhidmatan promosi dan pendidikan kesihatan dalam menyediakan pelbagai inisiatif, program dan aktiviti bersasar kepada komuniti setempat disediakan melalui perkhidmatan Wellness Hub yang diwujudkan sejak 2005 yang dikenali sebagai Pusat Promosi Kesihatan Komuniti (PPKK). Pusat ini dinaik taraf menjadi Wellness Hub sejak 2019 dan telah melalui perkembangan daripada segi perkhidmatan yang ditawarkan, pembangunan dan fasilitinya. Namun pewujudan Wellness Hub tidak berlaku serentak di semua Daerah/Bahagian/Kawasan kesihatan seluruh negara. Sejalan dengan keperluan komuniti dalam membudayakan hidup sihat demi melahirkan rakyat yang sihat sejahtera, Wellness Hub perlu dibangun dan dikembangkan ke Daerah/Bahagian/Kawasan sepertimana dalam Pelan Induk Pembangunan Wellness Hub Dan Sumber Manusia 2026 - 2033.

Asas-asas pemilihan Daerah Bagi Mewujudkan Wellness Hub:

- Jumlah populasi dan kepadatan penduduk
- Diagnosis Komuniti
- Isu dan Faktor kesihatan

KKM juga telah melaksanakan cadangan penajajaran yang melibatkan Pegawai Pendidikan Kesihatan daripada hospital dan institusi KKM sebagai langkah memenuhi aspirasi Kertas Putih Kesihatan ke arah perubahan paradigma daripada *sick care* kepada *health care* dan *wellness*. Penajajaran ini adalah untuk mempertingkatkan perkhidmatan Wellness Hub dan juga mewujudkan Wellness Hub di semua Daerah/Bahagian/Kawasan dengan memindahkan perjawatan ke Wellness Hub dan juga ke Daerah/Bahagian/Kawasan yang belum mempunyai Wellness Hub seperti Jadual 1.

### 4.3.1

**JADUAL 1:** Status Penjajaran Pegawai Pendidikan Kesihatan ke Wellness Hub Sedia ada dan Pejabat Kesihatan Daerah / Bahagian / Kawasan

| BIL | NEGERI          | DAERAH/<br>BAHAGIAN/<br>KAWASAN | WELLNESS<br>HUB                          | BIL JAWATAN<br>PEGAWAI<br>PENDIDIKAN<br>KESIHATAN | PENJAJARAN<br>(HEO)           | BIL JAWATAN<br>PEGAWAI<br>PENDIDIKAN<br>KESIHATAN |
|-----|-----------------|---------------------------------|------------------------------------------|---------------------------------------------------|-------------------------------|---------------------------------------------------|
| 1   | Perlis          | Kangar                          | Wellness Hub Perlis                      | 0                                                 | Hosp. Tunku Fauziah (S9/S10)  | 1                                                 |
| 2   |                 | Kangar                          | Wellness Hub Kangar                      | 0                                                 |                               |                                                   |
| 3   | Kedah           | Kota Setar                      | Wellness Hub Kota Setar                  | 0                                                 | Hosp. Sultanah Bahaiyah (S10) | 1                                                 |
